

Usaha mengekang jenayah penyeludupan senjata api dan dadah

Bina tembok 121 km di sempadan

Oleh JULIA ISMAIL

julia.ismail@kosmo.com.my

KOTA BHARU – Kementerian Dalam Negeri (KDN) bersetuju dengan cadangan polis Kelantan supaya kerajaan membina tembok dan pagar di sepanjang sempadan Malaysia-Thailand di negeri ini bagi mengekang masalah penyeludupan senjata api dan dadah.

Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi berkata, perkara itu harus disegerakan bagi membantu polis Kelantan menangani kes-kes jenayah di negeri ini yang disifatkan tinggi berbanding negeri-negeri lain.

“Saya akan meminta peruntukan khas daripada Perdana Menteri (Datuk Seri Najib Tun Razak) supaya melaksanakan secepat mungkin kerana ia merupakan penyelesaian jangka panjang untuk masalah di negeri ini,” katanya pada sidang akhbar selepas menghadiri taklimat di Ibu Pejabat Polis Kontinjen Kelantan di sini semalam.

Cadangan tersebut merangkumi pembinaan tembok sepanjang 121 kilometer danewartakan tebing sungai di sempadan sebagai kawasan keselamatan.



Pindahkan penduduk di Sungai Golok

KERATAN Kosmo! 6 September 2013.

Menurut Ahmad Zahid, pangkalan haram di sepanjang Sungai Golok akan ditutup dan jumlah anggota keselamatan akan ditambah apabila ia diwartakan kelak.

“Kita memahami jika keadaan itu berlaku, ia akan menjejaskan aktiviti ekonomi penduduk tetapi mana yang lebih penting adakah mahu meneruskan aktiviti seperti itu atau melumpuhkan kegiatan penyeludupan,” katanya yang akan memaklumkan perkara itu kepada kerajaan Kelantan.

Selain cadangan pembinaan tembok dan pagar, beliau memberitahu, polis Kelantan juga memohon tambahan 500 anggota polis sukarela (PVR) untuk menjadikan jumlah 1,220 anggota dan mempelawa orang ramai menyertai pasukan itu.



ZAHID



BEBERAPA orang anggota tentera Malaysia berkawal di tebing Sungai Golok yang merupakan sebahagian sempadan bagi Malaysia-Thailand di Kelantan. – Gambar Hiasan